# Ayat Kursi

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ

“Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang Tetap hidup, Yang Kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi. Tiada sesiapa yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan dengan izinNya yang mengetahui apa yang ada di hadapan mereka dan apa yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah menjaga serta memelihara keduanya. Dan Dia lah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya).”

[Surah al-Baqarah, ayat 255]

***Kelebihan**: Sesiapa yang membaca doa ini pada waktu pagi, dia akan terpelihara daripada gangguan jin sehingga ke waktu petang; dan sesiapa yang membacanya pada waktu petang, dia akan terpelihara daripada gangguan jin sehingga ke waktu pagi.*

*[Hadis ini diriwayatkan oleh al-Hakim (1/562). Dalam Sahih at-Targhib wa at-Tarhib (1/273) menilai hadis ini sebagai sahih, serta menyebut bahawa hadis ini juga diriwayatkan oleh an-Nasa’I dan at-Tabarani, dan sanad riwayat at-Tabarani adalah baik (jayyid).]*

لَا إِلَـٰهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah Yang Esa, tiada sekutu bagiNya, bagi-Nya kekuasaan dan pujian, dan Dia berkuasa ke atas setiap sesuatu.”

(Selepas solat maghrib dan subuh dibaca 10 kali)

***Kelebihan**: Sesiapa yang membaca zikir ini setiap kali selepas solat, maka dosanya akan diampunkan walaupun sebanyak buih di lautan.*

*[Riwayat Muslim (1/418)]*

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا، وَرِزْقًا طَيِّبًا، وَعَمَلًا مُتَقَبَّلًا

“Ya Allah, aku memohon daripada-Mu ilmu yang bermanfaat, rezeki yang baik dan amalan yang diterima.”

(Selepas solat subuh dibaca 1 kali)

**RUJUKAN**


1. Al-Azkar al-Muntakhabah min Kalaam Sayyid al-Abraar. al-Imam Muhyiddin Yahya bin Syaraf al-Nawawi (Imam an-Nawawi). Dar Ibnu Khuzaimah.
2. Ensiklopedia Dzikir & Doa al-Imam an-Nawawi. Izzudin Karimi, Ahmad Syaikhu & Luqman Hakim. Darul Haq.
3. Hisnul Muslim. Syaikh Sa'id bin ‘Ali bin Wahf al-Qahtani.
4. Terjemahan Hisnul Muslim: Perisai Muslim, Himpunan Doa dan Zikir daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Abdul Basit bin Hj Abdul Rahman.
5. Inilah Doaku. Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri.
6. Zikir dan Doa Muslimah Solehah. Ustazah Datuk Dr. Norhafizah Musa & Abu Ayyub El-Faruqi. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
7. Koleksi Doa & Zikir, Adab & Panduan Berdoa Yang Diajar Oleh Rasulullah SAW. Ustaz Salehuddin bin Abu Samah.